

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/2 Jld. 1 (1)

31 Januari 2021
18 Jamadilawal 1442

PEKELILING AKADEMIK BIL. 1/2021

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER II SESI 2020/2021

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Bil. 4/2020/2021 bertarikh 27 Januari 2021 telah meluluskan **Kaedah Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran** Semester II Sesi 2020/2021 berdasarkan Kenyataan Media Kebenaran Masuk Kampus oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 31 Disember 2020 dan Kenyataan Media Pengoperasian Institusi Pengajian Tinggi semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada 12 Januari 2021 seperti berikut:

- i. Semua kursus pra dan pasca siswazah yang melibatkan kuliah perlu dijalankan secara dalam talian.
- ii. Aktiviti penyelidikan di makmal bagi program akademik pasca siswazah boleh dijalankan secara bersemuka melalui kemasukan ke kampus secara berfasa.
- iii. Kursus yang melibatkan Latihan Industri perlu mengikut ketetapan jenis kehadiran ke tempat latihan daripada industri.
- iv. Kursus yang melibatkan makmal, studio dan praktikal boleh dilaksanakan secara teradun/*hybrid*. Pertemuan secara bersemuka dibenarkan bermula 14 April 2021 dan tertakluk kepada pengumuman semasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- v. Kursus yang melibatkan pembelajaran servis perlu dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.
- vi. Semua bentuk pentaksiran samada formatif atau sumatif perlu dilaksanakan secara dalam talian.

- vii. Program akademik yang melibatkan akreditasi dari badan professional boleh melaksanakan peperiksaan akhir secara bersemuka sekiranya semua pelajar yang terlibat dapat kembali ke kampus dan Sekolah/Fakulti dapat memastikan *Standard Operation Procedure* (SOP) bagi pencegahan penularan COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia dapat dipatuhi.

Sekian, harap maklum.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah



(PROF. Ir. Ts. DR. ZAINUDDIN BIN ABDUL MANAN)

Menjalankan Fungsi

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi Malaysia

s.k - Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Pro- Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)

Pendaftar

Bendahari

- Dekan

Fakulti Alam Bina dan Ukur

Fakulti Kejuruteraan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Fakulti Sains

Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)

Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT)

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR)

- Pengerusi
 - UTMiLeaGue
 - Sekolah Pengajian Siswazah
 - Sekolah Kejuruteraan Awam
 - Sekolah Kejuruteraan Elektrik
 - Sekolah Kejuruteraan Mekanikal
 - Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga
 - Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
 - Sekolah Komputeran
 - Sekolah Pendidikan
 - Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi
 - Akademi Tamadun Islam
 - Akademi Bahasa
 - UTMSPACE

- Pengarah
 - Pusat Kepimpinan Akademik (UTMLEAD)
 - Department of Digital Services (UTMDigital)
 - Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRIM)
 - Unit Inovasi dan Pembangunan Kurikulum (CIDU)

- Timbalan Pendaftar Kanan
 - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- Timbalan Pendaftar
 - Bahagian Pengurusan Akademik